

Soalan Lazim (FAQs) myGIG Digital Freelance

1. Apa itu Program myGIG Digital Freelance (dahulu dikenali sebagai Digital Freelance)?

Program myGIG Digital Freelance adalah merupakan salah satu program baharu yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia & Sukan (KBS) bersama Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) dengan sokongan rakan strategik iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

Program ini bertujuan untuk mengurangkan beban belia Malaysia terutama kepada belia yang terjejas pendapatannya ataupun belia yang menganggur akibat wabak COVID-19 yang sedang melanda negara dengan memperkenalkan peluang pekerjaan baharu secara digital sebagai pekerja bebas digital (digital freelance) menerusi platform Global Online Workforce (GLOW) yang dikendalikan oleh pihak MDEC.

Pelaksanaan program ini merupakan projek rintis selaras dengan Pelan Strategik 2020 Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang akan memberi penekanan terhadap mendaya upaya ekonomi belia dibawah Teras 3: Peluang Pekerjaan.

2. Bagaimana Program myGIG Digital Freelance ini boleh membantu belia mendapatkan peluang pekerjaan?

Belia yang berminat boleh mendaftar untuk menyertai program ini di platform GLOW (<https://globalonlineworkforce.typeform.com/to/nzqHAc>).

Selepas pendaftaran, peserta akan dihubungi untuk menghadiri sesi pengenalan dan kesedaran berkaitan kerjaya sebagai pekerja bebas digital (digital freelance).

Setelah anda melengkapkan latihan, anda boleh mula mencari dan membida pelbagai jenis projek / peluang pekerjaan yang tersedia di atas platform pasaran pekerja bebas (*freelance marketplace*) tempatan dan antarabangsa.

3. Bagaimana saya mengambil bahagian dalam program myGIG Digital Freelance?

Belia yang berminat boleh mendaftar di portal eBelia (<https://ebelia.iyres.gov.my>).

Setelah itu, belia boleh klik pada butang Info > Peluang Pekerjaan dan dapatkan maklumat lanjut berkaitan program myGIG Digital Freelance termasuk pautan khusus ke pendaftaran di platform GLOW.

4. Adakah terdapat yuran yang dikenakan untuk menyertai program myGIG Digital Freelance?

Ianya adalah percuma untuk menyertai program myGIG Digital Freelance.

5. Apakah keperluan minimum untuk menyertai program myGIG Digital Freelance?

- *Pertama sekali, anda harus celik komputer.*

- *Kedua, mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik kerana anda akan berinteraksi dengan pelanggan antarabangsa*
- *Ketiga, memiliki set kemahiran khusus yang dikehendaki (Sila rujuk kepada senarai)*
- *Yang terakhir dan paling penting sekali adalah komitmen, usaha dan ketekunan anda.*

6. Siapa yang menyediakan latihan?

Tenaga pengajar kami terdiri dari mereka yang telah dipilih dan ditauliahkan oleh MDEC. Mereka merupakan 'freelancer' yang berpengalaman dan telah memiliki sijil "Certified Professional Trainer". Mereka juga akan menjadi mentor anda sehingga anda yakin dan berjaya membida projek dalam platform.

7. Bagaimanakah program latihan myGIG Digital Freelance ini dijalankan?

Program latihan myGIG Digital Freelance meliputi sesi pengenalan dan kesedaran, latihan secara dalam talian (online) serta sokongan dari rakan komuniti pekerja bebas digital (digital freelance)..

8. Adakah program myGIG Digital Freelance menyediakan latihan kemahiran teknikal / khusus?

Tidak. Buat masa ini, program myGIG Digital Freelance tidak menyediakan latihan kemahiran teknikal / khusus.

9. Adakah terdapat had umur untuk menyertai myGIG Digital Freelance?

Program myGIG Digital Freelance dibuka kepada individu yang berusia 18 tahun hingga 40 tahun.

10. Adakah program myGIG Digital Freelance terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja?

Ya, program ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia yang memegang MyKad.

11. Saya berjaya menjana pendapatan selepas program myGIG Digital Freelance, perlukah saya membayar balik kepada pihak penganjur program?

Tidak, pendapatan anda adalah hak milik anda. Tiada apa-apa bayaran dikenakan bagi program myGIG Digital Freelance.

12. Saya hanya berkelulusan peringkat Sijil Politeknik bertaraf Diploma. Adakah saya layak memohon menyertai program myGIG Digital Freelance?

Boleh, anda layak menyertai program ini sekiranya anda menepati ciri-ciri yang disenaraikan di atas (rujuk soalan no.5).

13. Apakah contoh kemahiran dalam bidang berpotensi tinggi?

- *Web and Mobile Development*
- *Internet Research*
- *Data Entry*
- *Web Designing*
- *Accounting*

- *Graphics Designing*
- *Consultancy*
- *Recruiter*
- *Content Writer*
- *Editor*

14. Bagaimanakah saya ingin tahu sekiranya terpilih?

Pihak urusetia dan pengajar akan menghubungi anda sekiranya anda terpilih.

15. Berapa bayaran gaji yang akan saya dapat sekiranya menyertai program myGIG Digital Freelance?

Tiada bayaran gaji tetap yang anda akan dapat melalui program ini, pendapatan anda adalah berdasarkan projek/tugasan yang anda akan berjaya dapatkan dan laksanakan.

16. Saya berminat untuk mengikuti program myGIG Digital Freelance tapi saya hanya ada telefon pintar dan tiada kemudahan komputer atau laptop. Adakah pihak penganjur menyediakan kemudahan tersebut?

Pihak penganjur tidak menyediakan laptop/komputer kepada peserta. Latihan akan diadakan secara dalam talian untuk mematuhi langkah kawalan pergerakan dan mengelakkan perhimpunan awam seterusnya memutuskan rantai wabak Covid-19.

17. Saya sudah mendaftar dengan program myGIG Servis. Bolehkah saya daftar untuk menyertai program myGIG Digital Freelance untuk menambah pendapatan?

Boleh, tiada masalah.

18. Bolehkah saya berhenti mengikuti program myGIG Digital Freelance apabila terpilih kerana mendapat kerja yang lebih baik?

Anda dinasihatkan untuk menamatkan program ini. Namun, sekiranya anda menerima peluang yang lebih baik, pihak kami tidak menghalang untuk anda berhenti.

19. Bolehkah saya memilih lebih daripada satu majikan yang di tawarkan?

Boleh, anda boleh berurusan/menerima tugasan dengan lebih daripada satu majikan sekiranya anda mampu untuk melengkapkan tugasan kerja.

20. Adakah nama saya akan di senarai hitam dari permohonan jawatan kerja kerajaan apabila mendapat pekerjaan dari program myGIG Digital Freelance?

Tidak, permohonan untuk menyertai program ini terbuka kepada semua warga Malaysia yang berumur 18-30 tahun dan nama anda tidak akan disenarai hitam daripada apa-apa permohonan jawatan kerja kerajaan.

21. Saya sudah berkahwin, bolehkah saya mengikuti program myGIG Digital Freelance?

Tiada masalah.

22. Di manakah lokasi program myGIG Digital Freelance?

Buat masa ini, semua sesi latihan program myGIG Digital Freelance akan dijalankan secara dalam talian (online).